

Kosmo 7/3/2021 m/s 14  
Ahmad

Sedia beri bantuan aspek keusahawanan dengan syarat penduduk ada lesen sah

# Menteri sokong perlombongan emas

Oleh MUHAMMAD AYMAN  
GHAFFA

**KOTA BHARU** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan menyokong dan membantu aktiviti perlombongan emas di Mukim Kechau, Kuala Lipis, Pahang sekiranya penduduk di kawasan itu memiliki lesen sah untuk kerja-kerja melombong galian tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihak Kementerian akan membantu terutamanya aspek keusahawanan dalam kalangan penduduk dengan syarat mereka sudah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Katanya, usaha-usaha itu perlu dijalankan secara terperinci dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terutamanya membabitkan sistem pengangkutan, perlombongan dan penjagaan kawasan.

"Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) perlu diperincikan untuk mengetahui sama ada akti-



KERATAN Kosmo/25 Februari 2021.

viti itu tidak memusnahkan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, Kementerian sedia menyokong individu atau penduduk yang terlibat dalam kegiatan melombong sekiranya aktiviti dijalankan secara halal.

"Jika mereka ada lesen, kita tiada masalah untuk membantu pembangunan usahawan emas di sana, namun mesti mendapat kebenaran kerana sumber asli masih di bawah seliaan kerajaan negeri," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kilang Pertukangan Emas Koperasi Makmur Malaysia Bernad di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan



**WAN JUNAIDI (kanan) melihat barang kemas yang dihasilkan di Kilang Pertukangan Emas Koperasi Makmur di Kota Bharu semalam.**

Usahawan dan Koperasi, Datuk Suriani Ahmad, Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datuk Nordin Salleh dan Pengerusi Lembaga Koperasi Makmur Malaysia Bernad, Hishamuddin Abdullah.

Kosmo! dalam beberapa siri laporan khas sebelum ini mendedahkan, penduduk di Mukim Kechau, Kuala Lipis, Pahang hidup mewah selepas kawasan mereka dipenuhi dengan galian emas.

Bagaimanapun, kerajaan negeri Pahang mengarahkan kegiatan

tan melombong emas di Mukim Kechau dihentikan serta-merta untuk memastikan dapat dikawal sebelum menjadi lebih serius.

Mengulas lanjut, menumut Wan Junaidi, sekiranya memperoleh lesen melombong emas, beliau mencadangkan agar penduduk bekerjasama dengan pemain utama dalam industri pelombongan emas.

Katanya, kerjasama itu penting bagi memudahkan aspek pencarian dan pelombongan di kawasan yang dibenarkan kelak.

"Perlu untuk mereka bekerjasama dengan pemain industri emas salah satu sebabnya untuk mengelakkan daripada dimampulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Jika tidak, mereka boleh menubuhkan satu koperasi untuk usahawan-usahawan melombong emas. Perlu diingatakan bahawa cadangan ini tidak akan berlaku sekiranya masih tiada kebenaran untuk melombong emas secara sah daripada kerajaan negeri," katanya.